

KURSUS PEMBANGUNAN RAKAN PERKHIDMATAN AWAM (PRA AKRAB) TAHAP 1, PEJABAT KETUA PENDAFTAR, MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP) TAHUN 2024




PUTRAJAYA, 11 hingga 13 Jun 2024 - Kursus Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (PRA AKRAB) Tahap 1 telah diadakan di Dewan Bankuet, Istana Kehakiman, Putrajaya. Pelaksanaan Kursus Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (PRA AKRAB) Tahap 1 merupakan salah satu strategi untuk memastikan setiap Warga Kehakiman memberi pendedahan berhubung peranan dan fungsi kaunseling dalam perkhidmatan awam. Selain itu, ianya adalah untuk pendedahan kepada peserta berhubung manusia dan permasalahannya serta memberi pendedahan kepada asas-asas teori kaunseling dan memberi pendedahan berhubung kemahiran asas dan kaunseling.

Kursus ini diadakan selama 3 hari dan telah dikendalikan oleh 3 orang penceramah iaitu YBrs. Dr. Amran bin Hassan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Putrajaya. Tuan Hj. Ahmad Azam bin Hj. Hassan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Sembilan dan Encik Muhammad Faizal Fadly bin Saari dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya. Seramai 50 orang peserta kursus telah tamat menghadiri Kursus Program (PRA AKRAB) Tahap 1 dan lulus Ujian Penilaian Program PARA AKRAB dengan jayanya.

KURSUS PEMBANGUNAN RAKAN PERKHIDMATAN AWAM (PRA AKRAB) TAHAP 2, PEJABAT KETUA PENDAFTAR, MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP) TAHUN 2024

PUTRAJAYA, 26 hingga 28 Jun 2024 - Kursus Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (PRA AKRAB) Tahap 2 (Pengukuhan) telah diadakan di Dewan Bankuet, Istana Kehakiman, Putrajaya. Pelaksanaan Kursus Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (PRA AKRAB) Tahap 2 merupakan Kursus Lanjutan setelah Kursus AKRAB Tahap 1 telah berjaya/lulus dalam Ujian Penilaian Program AKRAB pada Kursus yang lepas. Objektif Kursus PRA AKRAB Tahap 2 adalah untuk memperkukuhkan pengetahuan serta *skill* ahli AKRAB apabila mengendalikan sesi runding cara di lapangan kelak.



Kursus ini telah dikendalikan oleh 3 orang penceramah iaitu Tuan Hj. Ahmad Azam bin Hj. Hassan, Pegawai Psikologi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Negeri Sembilan, Tuan Hj. Muhammad Izzuddin bin Ghazali, Pegawai Psikologi dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Putrajaya dan Encik Muhammad Faizal Fadly bin Saari, Pegawai Psikologi dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya. Seramai 50 orang peserta kursus telah tamat menghadiri Kursus (PRA AKRAB) Tahap 2 selama 3 hari dengan jayanya.

